



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI SARAWAK 2024

LOKASI / TARIKH / MASA

**KUCHING, SARAWAK
17 FEBRUARI 2024 (SABTU)
11.00 PAGI**

Kemas kini 15 Februari 2024

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana berkat limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam **Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak 2024** hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sebagai penganjur dan tahniah kepada ahli Skuad Waja serta semua tetamu yang hadir. Kehadiran dan komitmen anda sangat penting dalam usaha

kita memperkasakan wanita dan melindungi mereka daripada keganasan serta penganiayaan.

(B) KEGANASAN TERHADAP WANITA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

3. Keganasan terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia yang melangkaui batas agama, bangsa dan budaya. Mangsa sering kali memilih untuk tidak melaporkan kekerasan yang dialami kerana takut akan pelaku dan tekanan sosial dari keluarga atau rakan.

4. Kebanyakan kes keganasan dilakukan oleh individu yang dikenali oleh mangsa, seperti suami, bekas suami atau teman lelaki dan banyak yang tidak dilaporkan akibat dianggap sebagai masalah keluarga atau peribadi. Terdapat juga kes mangsa tidak tahu cara untuk membuat laporan kes.

5. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), **kes keganasan rumahtangga pada tahun 2023** di seluruh negara

mencatatkan sebanyak **5,507 kes** dengan sedikit penurunan kes berbanding tahun 2022, iaitu 6,540 kes telah dilaporkan.

6. Negeri Sarawak mencatatkan **negeri ketiga tertinggi** selepas negeri Selangor dan negeri Kedah dengan jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2020 hingga 2023 sebanyak **2,345 kes**. Bagi tahun **2023, kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan di negeri Sarawak adalah sebanyak 473 kes** berbanding 624 kes pada tahun 2022. Terdapat sedikit penurunan kes sebanyak 24.2 peratus,

namun negeri Sarawak masih berada pada kedudukan negeri ketiga tertinggi untuk kes keganasan rumahtangga.

7. Tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuklah masyarakat setempat.
8. Oleh itu, penubuhan Skwad Waja merupakan langkah positif ke arah membangunkan kolaborasi yang baik antara

kerajaan dan masyarakat untuk mengatasi isu keganasan terhadap wanita. Kesedaran dan pemahaman mengenai isu ini penting untuk memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai.

(C) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

9. Program sukarelawan Skwad Waja, di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), **bertujuan untuk memperkasakan komuniti dengan menyediakan bimbingan psikososial dan melaksanakan aktiviti komuniti.** Program ini merangkumi pelbagai aspek seperti kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan, dan ekonomi untuk meningkatkan kesedaran tentang jenayah terhadap wanita.
10. **Skwad Waja berfungsi sebagai agen perubahan yang meningkatkan pengetahuan wanita dalam hal perundangan, modus operandi jenayah, dan tindakan yang perlu diambil.**

Pendedahan ilmu serta aktiviti Skuad Waja dapat menjadikan mereka berdikari, berani, dan sensitif terhadap keperluan masyarakat.

11. Skuad Waja juga bertindak sebagai sumber rujukan untuk masyarakat dalam menangani keganasan terhadap wanita dan membantu mangsa merujuk kes kepada pihak berwajib serta mendapatkan bantuan profesional. Program ini bertujuan untuk menyampaikan peranan Skuad Waja sebagai penggerak utama dalam komuniti dan sebagai **'first responder'** dalam menghadapi isu sosial, memberikan

sumbangan penting kepada pembangunan sosial dan memperkuat masyarakat yang penyayang dan prihatin.

12. Sejak penubuhan Skwad Waja pada tahun 2021 hinggalah bulan Disember 2023, terdapat seramai **329,221 orang ahli termasuk 254,506 wanita (77.3%) dan 74,715 lelaki (22.7%)**. Bagi negeri **Sarawak** sahaja, terdapat seramai **2,919 orang ahli Skwad Waja** yang melibatkan seramai 2,807 wanita dan 112 lelaki.

13. Melalui keahlian ini, ahli-ahli Skuad Waja telah turun padang bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sebanyak **1,012 program psikososial** Skuad Waja telah dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai **72,942 orang yang telah berjaya disantuni.**

(D) PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI SARAWAK

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

14. Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak 2024 bertujuan untuk meluaskan pemahaman dan kesedaran mengenai peranan Skuad Waja dalam membantu komuniti pelbagai etnik dan latar belakang di Sarawak, khususnya di kalangan wanita.

15. Inisiatif ini dilancarkan sejalan dengan agenda Kementerian untuk memperkasakan wanita agar lebih berani dan bijak dalam menghadapi isu keganasan, menyediakan mereka

dengan pendedahan dan kaedah untuk menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita.

16. Program ini menyediakan latihan untuk meningkatkan pemahaman psikologi, ketahanan, dan hak-hak perundangan melalui modul MATAHARI dan IRIS, bertujuan meningkatkan kemampuan wanita dalam menghadapi keganasan serta memahami hak-hak mereka.
17. Program ini juga menekankan peranan penting pemimpin wanita dalam komuniti di Sarawak, mempertingkatkan

peranan mereka dalam memerangi keganasan terhadap wanita dan memperkuat komuniti.

(E) WANITA DAN KEPIMPINAN

18. Wanita dan kepimpinan di Malaysia merupakan topik yang amat penting. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, wanita memiliki kadar enrolmen pendidikan lebih tinggi dari lelaki, dengan 49.5 peratus wanita berada di

peringkat tertuari pada tahun 2022 berbanding 33.2 peratus lelaki.

19. Kajian oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenai kepimpinan wanita menggariskan tiga faktor iaitu (1) pengaruh keluarga, (2) sifat semula jadi, dan (3) keinginan membantu sesama wanita sebagai faktor motivasi utama untuk menjadi seorang pemimpin.
20. Besarlah harapan saya supaya program pada hari ini dapat meningkatkan lagi motivasi wanita untuk memimpin dan yakin terhadap kebolehan diri. Program ini merupakan suatu

usaha untuk meningkatkan pemimpin wanita dalam komuniti di Malaysia terutama di negeri Sarawak.

21. Sebagai penutup, saya berharap Program Semarak Skwad Waja 2024 Peringkat Negeri Sarawak ini akan memberi manfaat besar kepada masyarakat Sarawak dalam meningkatkan kesedaran dan perlindungan wanita dari keganasan dan diskriminasi, serta memupuk nilai kepimpinan di kalangan wanita untuk menjadi pemacu perubahan dalam komuniti.

22. Menjelang Hari Wanita pada 8 Mac, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang bertemakan “**Wanita Dijulang, Negara Gemilang**”, bertujuan memartabatkan wanita dan mencipta masyarakat yang inklusif dan mengamalkan kesaksamaan gender, sejalan dengan aspirasi masyarakat MADANI. Saya, sebagai Menteri, akan terus memperkasa wanita dan memastikan agenda pemerksaan wanita tetap relevan dan dihargai.

23. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:
Dari Santubong ke Petrajaya,
Singgah sebentar mencari sutera;
Wanita Sarawak Berjiwa Jaya,
Negeri Sarawak Aman Sejahtera.
24. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”,
sukacita saya dengan ini melancarkan **Program Semarak
Skuad Waja Negeri Sarawak Tahun 2024.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
17 Februari 2024